



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**  
**PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

**UNTUK**

**NO. SEBUTHARGA: JPS/N/SH/DTL/M/34/2026**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR  
S18 DAN S10, DAERAH TIMOR LAUT, PULAU PINANG.**

**Tarikh Lawatan Tapak :**

**4 JUN 2026**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**

**10 JUN 2026**





**JABATAN PENGAIRAN DAN  
SALIRAN DAERAH TIMOR LAUT  
PULAU PINANG**

**No. Sebutharga : JPS/N/SH/DTL/M/34/2026**

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR S18  
DAN S10, DAERAH TIMOR LAUT, PULAU PINANG.**

**ISI KANDUNGAN**

<b>Bil.</b>	<b>Butiran</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Lampiran A – Senarai Semak Dokumen Wajib	3 - 5
2.	Lampiran B – Syarat-Syarat Khas	6 - 9
3.	Lampiran Q – Borang Sebutharga	10 - 12
4.	Dokumen A – Arahan Kepada Penyebutharga/Syarikat	13 - 16
5.	Dokumen B – Syarat-Syarat Am	17 - 18
6.	Lampiran C1 – Senarai Bekalan / Perkhidmatan Yang Sedang Dilaksanakan	19
7.	Lampiran C2 – Senarai Bekalan / Perkhidmatan Yang Telah Siap Dilaksanakan	20
8.	LAMPIRAN D1 – Surat Akuan Pembida	21 - 22
9.	LAMPIRAN D2 – Surat Akuan Pembida Berjaya	23 - 24
10.	LAMPIRAN 10 - Laporan Bank/Syarikat Kewangan Ke Atas Kedudukan Kewangan Kontraktor	25
11.	LAMPIRAN 12 - Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial	26
12.	LAMPIRAN 13 - Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah	27
13.	Klausa Pencegahan Rasuah Dan Tipuan Bida Dalam Dokumen Perolehan Kerajaan	28

## SENARAI SEMAK DOKUMEN WAJIB

NO. SEBUTHARGA: JPS/N/SH/DTL/M/34/2026

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR S18 DAN S10, DAERAH TIMOR LAUT, PULAU PINANG.

Sila tandakan (√) dalam kotak yang disediakan bagi perkara-perkara yang wajib disertakan / disempurnakan seperti berikut.

BIL	DOKUMEN	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh J/Kuasa Pembuka Sebut Harga
1	Resit Pembelian Sebutharga bagi pengesahan pembelian dokumen sebut harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Salinan Pendaftaran e-Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	LAMPIRAN Q - 1 / 3	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	LAMPIRAN Q - 2 / 3	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	LAMPIRAN Q - 3 / 3 (Harga Tawaran)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Sijil Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (SSM) yang masih sah tempoh laku	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Sesalinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) yang masih sah tempoh.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Dokumen Pendaftaran Cukai Jualan /Perkhidmatan (SST) ( <b>WAJIB</b> sekiranya syarikat berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang masih sah tempoh.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Wajib dikemukakan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Surat Pengesahan Pembayaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Wajib bagi syarikat yang membuat tuntutan SST)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bil	Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh J/Kuasa Pembuka Sebut Harga
	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) bulan terakhir berturut-turut :  <b>(i) FEBRUARI 2026</b> <b>(ii) MAC 2026</b> <b>(iii) APRIL 2026</b>	<input data-bbox="1127 478 1214 537" type="checkbox"/> <input data-bbox="1127 541 1214 600" type="checkbox"/> <input data-bbox="1127 604 1214 663" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 478 1464 537" type="checkbox"/> <input data-bbox="1377 541 1464 600" type="checkbox"/> <input data-bbox="1377 604 1464 663" type="checkbox"/>
11	Profil Syarikat (Ringkas)	<input data-bbox="1127 680 1214 739" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 680 1464 739" type="checkbox"/>
12	<b>LAMPIRAN C1</b> Senarai Bekalan / Perkhidmatan Yang Sedang Dilaksanakan	<input data-bbox="1127 756 1214 814" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 756 1464 814" type="checkbox"/>
13	<b>LAMPIRAN C2</b> Senarai Bekalan / Perkhidmatan Yang Telah Siap Dilaksanakan	<input data-bbox="1127 844 1214 903" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 844 1464 903" type="checkbox"/>
14	<b>LAMPIRAN D1</b> – Surat Akuan Pembida	<input data-bbox="1127 970 1214 1029" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 970 1464 1029" type="checkbox"/>
15	<b>LAMPIRAN D2</b> – Surat Akuan Pembida Berjaya	<input data-bbox="1127 1045 1214 1104" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 1045 1464 1104" type="checkbox"/>
16	<b>LAMPIRAN 10</b> - Laporan Bank/Syarikat Kewangan Ke Atas Kedudukan Kewangan Kontraktor	<input data-bbox="1127 1121 1214 1180" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 1121 1464 1180" type="checkbox"/>
17	<b>LAMPIRAN 12</b> - Borang Pengisytiharan Pemunya Benefisial	<input data-bbox="1127 1209 1214 1268" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 1209 1464 1268" type="checkbox"/>
18	<b>LAMPIRAN 13</b> - Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah	<input data-bbox="1127 1297 1214 1356" type="checkbox"/>	<input data-bbox="1377 1297 1464 1356" type="checkbox"/>

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar</p> <p>Tandatangan : ..... (Cop Nama &amp; Jawatan)</p> <p>Tarikh : .....</p> <p>Cop Syarikat :</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ....(jika ada)</p> <p>Tandatangan : ..... (Cop Nama &amp; Jawatan)</p> <p>Tarikh : .....</p> <p>Tandatangan : ..... (Cop Nama &amp; Jawatan)</p> <p>Tarikh : .....</p>
---	---



**SYARAT-SYARAT KHAS**

JADUAL DAN SYARAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN.

1. TEMPAT DAN TEMPOH PERKHIDMATAN

- 1.1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan yang diperlukan adalah di Kolam Takungan Banjir S18 dan S10, Jabatan Pengairan dan Saliran, Lebuh Macallum, Daerah Timor Laut, PULAU PINANG.
- 1.2. Tempoh perkhidmatan dijangka bermula pada **1 JULAI 2026** atau pada tarikh sebagaimana yang dinyatakan dalam “Perjanjian Perkhidmatan Kawalan Keselamatan”.

2. JADUAL BERTUGAS DAN BILANGAN PENGAWAL.

- 2.1. Jadual bertugas dan bilangan Pengawal Keselamatan yang diperlukan bagi kawasan pejabat adalah seperti berikut:-

HARI	SYIF	
	KOLAM S18	KOLAM S10
Isnin hingga Jumaat, Sabtu, Ahad dan Kelepasan Am	7.00 petang – 7.00 pagi 1 orang	7.00 petang – 7.00 pagi 1 orang

- 2.2. Satu jadual kawalan harian yang lengkap hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Jurutera Daerah.

3. SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN.

- 3.1. Pengawal Keselamatan adalah bertanggungjawab mengawal keselamatan pejabat / bangunan / kawasan seperti tersebut di bawah yang meliputi rondaan pejabat, bangunan dan kawasan sekeliling, penjagaan keselamatan harta benda, penjagaan daripada pencerobohan dan kebakaran:-

3.1.1 Kawasan Berpagar

- a. Bangunan Dewan & Bilik Mesyuarat
- b. Stor
- c. Tempat Letak Kereta
- d. Struktur Autorake
- e. Bangunan Sub Station TNB
- f. Sekitar Kawasan Berpagar

- 3.2. Menjaga dan mengawal segala bentuk keselamatan terhadap bangunan, kawasan, barang-barang luar dan dalam bangunan dan segala harta benda yang terdapat dalam bangunan samada milik Kerajaan, kakitangan atau pelawat pada setiap masa
- 3.3. Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh pihak Pengurusan Bangunan dari masa ke semasa.
- 3.4. Syarikat bertanggungjawab ke atas pemilihan ataupun pengambilan pekerja-pekerja berkemampuan, berkebolehan serta mempunyai sifat sebagai seorang Pegawai Keselamatan dan seterusnya dapat memberi perkhidmatan yang cekap seperti berikut:-
  - 3.4.1 Warganegara Malaysia.
  - 3.4.2 Anggota yang terlatih dan mahir didalam bidangnya.
  - 3.4.3 Berkebolehan untuk menulis, membaca dan memahami laporan.
  - 3.4.4 Umur antara 18 tahun hingga 60 tahun.
  - 3.4.5 Sihat tubuh badan serta penglihatan yang baik.
  - 3.4.6 Tidak mempunyai rekod jenayah, bukan penagih dadah dan telah lulus tapisan keselamatan PDRM
  - 3.4.7 Lelaki.
- 3.5. Pihak syarikat dikehendaki menyediakan satu senarai nama pengawal yang lengkap seperti berikut:
  - 3.5.1. Nama.
  - 3.5.2. No.Kad Pengenalan / No.Pasport
  - 3.5.3 Alamat
  - 3.5.4 Jantina
  - 3.5.5 Tarikh Lahir / Umur
  - 3.5.6 Kelayakan & Pengalaman.
- 3.6. Syarikat dikehendaki menyediakan seorang penyelia yang berurusan dengan Jabatan atau wakilnya. Penyelia tersebut juga hendaklah memastikan semua pengawal bertugas menjalankan kawalan dengan teratur dan sempurna sepertimana dikehendaki oleh Jabatan.
- 3.7. Syarikat **DIWAJIBKAN** untuk menyediakan sistem dan kelengkapan ‘**time’s clock**’ bagi jaminan bahawa setiap pengawal keselamatan membuat rondaan di keseluruhan kawasan dan bangunan. Kegagalan pihak Syarikat untuk menggunakan atau mengekalkan sistem dan kelengkapan tersebut akan mengakibatkan kontrak perkhidmatan dibatalkan.
- 3.8. Pegawai Keselamatan yang bertugas hendaklah membuat rondaan **setiap tiga (3) jam sekali**. Pengawal juga hendaklah memastikan supaya pagar, pintu dan bangunan dalam keadaan sempurna itu tidak pecah atau rosak.

Rondaan hendaklah meliputi bangunan utama, bangunan stor dan kawasan sekeliling termasuk tempat letak kenderaan dan hendaklah sentiasa berada di Pondok Kawalan di pintu keluar masuk pejabat kecuali ketika membuat rondaan. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan atau kebocoran paip atau apa-apa penemuan lain, pengawal hendaklah memaklumkan dengan segera kepada Jurutera Daerah atau Penolong Jurutera Daerah atau Ketua Pembantu Tadbir (Pentadbiran & Kewangan).

- 3.9. Laporan rondaan perlu dicatitkan di dalam buku laporan serta laporan bertulis disediakan setiap minggu dan dikemukakan kepada Pegawai-pegawai di perenggan 3.8 pada tiap-tiap hari Isnin untuk semakan. Pegawai-pegawai tersebut juga hendaklah dihubungi melalui telefon di dalam kes-kes kecemasan.
- 3.10. Pengawal Keselamatan yang bertugas adalah diwajibkan berpakaian seragam, lengkap dengan tanda nama dan dibekalkan dengan cotar, wisel, lampu picit, baju hujan dan lain-lain kelengkapan yang difikirkan perlu mengikut kesesuaian tempat bertugas.
- 3.11. Syarikat mestilah memastikan segala peralatan yang digunakan untuk tujuan perkhidmatan tersebut tidak mendatangkan bahaya kepada manusia dan dibenarkan oleh pihak Kerajaan dan menentukan setiap pengawal yang menjalankan perkhidmatan tersebut adalah sihat, cekap, waras, amanah, bersopan dan berpakaian seragam dengan kemas dan bersih.
- 3.12. Sebarang pertukaran senarai nama Pengawal Keselamatan bertugas hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada Pegawai-pegawai di perenggan 3.8 mengenai butir-butir seperti di perenggan 3.5.
- 3.13. Syarikat perlu menyediakan sebuah buku log kedatangan untuk ditandatangani oleh pengawal setiap kali datang bertugas. Buku ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pembantu Tadbir (Pentadbiran & Kewangan) diakhir minggu berkerja Jabatan untuk semakan dan hendaklah ditandatangani.
- 3.14. Ketidakhadiran melapor diri untuk bertugas akan mengakibatkan Syarikat didenda dua kali ganda daripada kadar bayaran perkhidmatan bagi tempoh ketidakhadiran pengawal keselamatan tersebut.
- 3.15. Syarikat hendaklah mengganti dan / atau membaiki harta benda Kerajaan yang didapati mengalami kerosakan semasa menjalankan perkhidmatan ini sekiranya terbukti kerosakan adalah disebabkan oleh kecuaiian anggota-anggota keselamatan dengan penggantian atau pembaikan yang dibuat hendaklah dengan barang / pembaikan yang sama atau setaraf sebelum kerosakan berlaku.
- 3.16. Sekiranya berlaku kebakaran, Pengawal Keselamatan adalah bertanggungjawab bertindak memadamkan kebakaran tersebut dengan menggunakan alat pemadam api yang sedia ada. Pegawai-pegawai di perenggan 3.8 hendaklah dihubungi dengan segera dan jika perlu hubungi pihak Bomba dan Penyelamat.

- 3.17. Pengawal Keselamatan bertanggungjawab memastikan kenderaan-kenderaan kepunyaan Jabatan berada dalam keadaan selamat.
- 3.18. Pengawal Keselamatan bertanggungjawab mengawal pintu utama seperti berikut:
  - (a) Kawalan Pintu Masuk.
    - i. Pintu utama hendaklah sentiasa ditutup dan dibuka hanya untuk urusan kakitangan JPS PULAU PINANG dan pelawat.

Pada hari Sabtu, Ahad dan hari-hari Kelepasan Am semua pintu pagar hendaklah ditutup.

- 3.19. Pengawal Keselamatan bertanggungjawab mengawal pergerakan keluar masuk pelawat-pelawat dengan mendaftar butir-butir pelawat dan nombor kereta ke dalam buku pendaftaran pelawat.
- 3.20. Pengawal Keselamatan bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas kepada pelawat-pelawat berhubung kedudukan unit-unit dalam bangunan.
- 3.21. Pengawal Keselamatan bertanggungjawab memastikan PENJAJA dan ORANG MEMINTA DERMA tidak dibenarkan masuk ke bangunan pejabat tanpa kebenaran pegawai di perangan 3.8 terlebih dahulu.
- 3.22. Pengawal Keselamatan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan Jabatan sepanjang masa dipertugaskan seperti yang tersebut di atas serta ketika menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa.
- 3.23. Sekiranya pengawal keselamatan menangkap penceroboh, dia hendaklah dengan segera diserahkan kepada Balai Polis yang berdekatan. Disamping itu, pengawal itu hendaklah memaklumkan perkara ini kepada pegawai-pegawai seperti di perenggan 3.8 dengan segera.

#### 4. PEMBAYARAN.

- 4.1. Pembayaran bulanan akan dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas menerima dokumen tuntutan yang sempurna dan teratur daripada Syarikat.

#### 5. HAL-HAL LAIN.

- 5.1. Semua arahan tambahan yang diberi secara bertulis atau lisan oleh Jabatan atau wakilnya hendaklah dipatuhi.
- 5.2. Pada bila-bila masa apabila tambahan pengawal diperlukan oleh Jabatan, maka Syarikat hendaklah mematuhi kehendak tersebut dan kadar bayaran yang akan dibayar oleh Jabatan adalah seperti mana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.



Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini.

No. Sebutharga.....

**JPS/N/SH/DTL/M/34/2026**

**KERAJAAN MALAYSIA  
( ARAHAN PERBENDAHARAAN 170 )  
NEGERI PULAU PINANG**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG /PERKHIDMATAN**

Kepada (Nama Syarikat).....  
dikeluarkan oleh

.....

No. Telefon : .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan :

.....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan dengan pembelian

.....

Ini : 220801 serta memiliki Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Pelawaaan Sebut harga

Jabatan (Alamat Lengkap)

Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Daerah Timor Laut, Tingkat 29, KOMTAR, Jalan Penang, **10000 PULAU PINANG.**

No. Telefon : 04- 6505145

Fax : 04-8666700

Tarikh :

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan

- i. Tawaran adalah dibuka kepada Syarikat / Kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah kod bidang 220801 serta memiliki Lesen Kementerian Dalam Negeri (KDN).
- ii. Dokuman Sebut harga boleh diperolehi daripada sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di portal ep.penang.gov.my dengan bayaran sebanyak RM10.00 senaskah. Bayaran adalah secara on-line dengan mengklik butang 'BELI' diportal tersebut. Walau bagaimanapun, dokumen sebut harga hanya boleh dimuat turun oleh syarikat yang telah berdaftar dengan sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pula Pinang.
- iii. Diwajibkan hadir ke pendaftaran dan sesi taklimat pada **4 JUN 2026 jam 9.30 pagi** di Kolam Takungan Banjir S18, Lebuh Macallum, Daerah Timor Laut, PULAU PINANG.



1.2 Tarikh Penyerahan/Tutup adalah: **10 JUN 2026 sebelum jam 12.00 t/hari**. Sebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.3 Arahan Pengiriman

Dokumen sebut harga yang lengkap (LAMPIRAN Q) berserta dokumen sokongan berikut:

- i. Resit Pembelian Sebutharga;
- ii. Salinan Pendaftaran e-Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);
- iii. Sesalinan Sijil Pendaftaran Syarikat;
- iv. Sesalinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia bersama Lesen (KDN) yang masih sah tempoh;
- v. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Wajib dikemukakan);
- vi. Surat Pengesahan Pembayaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Waji bagi syarikat yang membuat tuntutan SST);
- vii. Sesalinan Slip /Penyata Akaun Bank Syarikat bagi **TIGA (3) bulan terakhir**;
- iv. Profil Syarikat (Ringkas)

hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang ditulis di bahagian atas kirinya dengan No. Sebut harga dan tarikh serahan. Sampul surat mengandungi dokumen sebut harga hendaklah dihantar dengan tangan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terdapat di Pejabat Jurutera Daerah, Kolam Takungan Banjir S18, Lebuhr Macallum, Daerah Timur Laut, PULAU PINANG. Penghantaran melalui Pos tidak digalakkan sama sekali.

1.4 Sebut harga hendaklah di masukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengahari 10 JUN 2026.**

1.5 Tempoh sah laku sebut harga ialah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan : .....

Nama Pegawai : .....

Tarikh : .....

Jawatan : .....



**SEBUT HARGA**

**LAMPIRAN Q – 3 / 3**

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan (Jam)	Kadar ( RM ) (Sejam)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan Sil rujuk SYARAT-SYARAT seperti di LAMPIRAN A dan B. Perkhidmatan kawalan keselamatan di Kolam Takungan Banjir S18 dan S10, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang termasuk kos pekerja, kelengkapan/peralatan keselamatan, sistem & kelengkapan 'time's clock dan lain-lain keperluan seperti dinyatakan dalam Syarat-Syarat dan berpandukan kepada Jadual/Shif perkhidmatan di bawah.				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
1.	Isnin hingga Ahad ( <i>satu shif</i> ) dan Kelepasan Am <b>Kolam Takungan Banjir S18 7.00 petang hingga 7.00 pagi</b>	1 orang	12 Jam		
2.	<b>Kolam Takungan Banjir S10 7.00 petang hingga 7.00 pagi</b>  (Jumlah Pengawal 2 Orang)	1 orang	12 Jam		
JUMLAH SEHARI					
JUMLAH BULANAN [ ( Jumlah Sehari x 30 hari ) ]					
JUMLAH SETAHUN [ Jumlah Bulanan x 12 Bulan ]					
8% SST					
<b>JUMLAH SETAHUN TERMASUK SST</b>					

\*\*Penyebutharga hendaklah mengikut kadar gaji minima pengawal keselamatan yang ditetapkan oleh Jabatan Tenaga Kerja (Buruh)  
Mustahak:-

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih ; dan
- ii. Butiran lanjut – Sila rujuk Syarat-Syarat Am (Lampiran A) dan Syarat-Syarat Khas (Lampiran B)
- iii. Dokuman sokongan wajib seperti di para 1.3 ; dan
- iv. Tarikh penyerahan/tutup ialah **10 JUN 2026**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Petender :

Tandatangan Saksi :

.....  
**Nama :**  
**No. K/P :**  
**No. Tel :**  
**Cop Syarikat :**

.....  
**Nama :**  
**No. K/P :**  
**No. Tel :**



ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA/SYARIKAT

**1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut harga yang terendah atau mana-mana Sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

**2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

**2.1 Penyediaan Sebut Harga**

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) Harga dan tandatangan Penyebut Harga di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Senarai Pengalaman Kerja,
- (e) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (f) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- (g) Surat Akuan Pembida
- (h) Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk **Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan terakhir**, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak/akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan.\*
- (i) Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.
- (j) Kegagalan **mengisi/menandatangani/melengkapkan** Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.
- (k) Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.
- (l) Sekiranya Dokumen Sebut Harga disediakan dalam bentuk *softcopy*, Penyebutharga hendaklah mengemukakan Dokumen Sebut Harga dalam bentuk

*softcopy* dan *hardcopy*. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *softcopy* dan *hardcopy*, dokumen dalam *hardcopy* hendaklah digunakan.

- (m) Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

## 2.2 'Integrity Pact'

- (a) Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti di Lampiran A1 dimana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- (b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. **Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.**
- (c) Penyebut Harga yang Berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di Lampiran A2 beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

## 2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dimasukkan ke dalam peti Sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut harga yang dicatatkan dengan MAKLUMAT SEBUT HARGA di bawah:

<b>Sebut Harga No.</b>	<b>JPS/N/SH/DTL/M/34/2026</b>
<b>Tajuk Sebut Harga</b>	<b>PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR S18 DAN S10, DAERAH TIMOR LAUT, PULAU PINANG</b>



- (b) Jika Dokumen Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor Hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum **10 Jun 2026, Jam 12.00 Tengah hari.**
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebut harga pada tarikh tutup Sebut harga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

### **2.3 Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi **NURDILAH BINTI MAHAMMAD IDRIS** di Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

### **2.4 Harga Indikatif Jabatan**

- a) Harga Indikatif Jabatan bagi sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia : **LAPAN PULUH SATU RIBU SAHAJA ( RM81,000.00 )**
- b) Harga Indikatif Jabatan Ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikut Kerajaan atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- c) Pihak Kerajaan tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja berdasarkan Harga Indikatif Jabatan.

## **3. TEMPOH KONTRAK**

Tempoh kontrak adalah selama **DUA BELAS (12) BULAN** sahaja.

## **4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

## **5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut Harga ini sah selama **90 hari** dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB / BPKU untuk diambil tindakan.



## 6. **TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama **7 hari** selepas kerja ditawarkan kepada kontraktor yang berjaya (mengikut surat JKNPP/05/03/8Jld3 (10) bertarikh 06 Januari 2009).

## 7. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan seperti berikut:

- 7.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawarkan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.3 Tanpa prejudis kepada Tindakan-tindakan lain, Tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Penyebut Harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 7.4 Mana-mana Penyebut Harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**  
Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.
2. **HARGA**  
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**  
Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
4. **BARANG-BARANG SETARA**  
Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
5. **PENYETUJUAN**
  - (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.
  - (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebut harga yang berasingan.
6. **PEMERIKSAAN**
  - (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan ataupun bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
  - (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
7. **PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**  
Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai ( jika ada ) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
8. **PENOLAKAN**
  - (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
  - (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
  - (iii) Fasal- kecil ( i ) dan ( ii ) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

### **PENGIKLANAN**

9. Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

### **10. TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

### **11. INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

SENARAI BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	
1.						
2.						
3.						
4.						

**PERHATIAN :**

**Wajib** senaraikan pengalaman perkhidmatan yang dilaksanakan bagi tempoh semasa dan lima tahun kebelakang sahaja dan **wajib** sertakan surat tawaran kontrak/bukti daripada jabatan/agensi berkenaan.

\* Sila guna lampiran tambahan sekiranya tidak mencukupi

Tandatangan Pemilik Syarikat : .....

Nama Pemilik Syarikat : .....

Jawatan : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Cop Rasmi Syarikat : .....

Tarikh : .....

**SENARAI BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG TELAH SIAP DILAKSANAKAN**

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Agensi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak		Nama/No. Telefon Pegawai Jabatan yang Bertanggungjawab
				Mula	Tamat	
1.						
2.						
3.						
4.						

**PERHATIAN :**

**Wajib** senaraikan pengalaman perkhidmatan yang dilaksanakan bagi tempoh semasa dan lima tahun kebelakang sahaja dan **wajib** sertakan surat tawaran kontrak/bukti daripada jabatan/agensi berkenaan.

\* Sila guna lampiran tambahan sekiranya tidak mencukupi

Tandatangan Pemilik Syarikat : .....

Nama Pemilik Syarikat : .....

Jawatan : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Cop Rasmi Syarikat : .....

Tarikh : .....

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**Tajuk Kerja : PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR S18 DAN S10, DAERAH TIMOR LAUT, PULAU PINANG.**

**No. Sebut harga : JPS/N/SH/DTL/M/34/2026**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan. ....  
yang mewakili .....

Nombor pendaftaran (**MOF/BPKU/CIDB/ROS/ROC/ROB**) ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) 19 akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

**Tajuk Kerja** : **PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM  
TAKUNGAN BANJIR S18 DAN S10, DAERAH TIMOR LAUT,  
PULAU PINANG.**

**No. Sebut harga** : **JPS/N/SH/DTL/M/34/2026**

Saya, ..... No. Kad Pengenalan. ....  
yang mewakili .....

Nombor pendaftaran (**MOF/BPKU/CIDB/ROS/ROC/ROB**) ..... dengan ini  
mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI PULAU PINANG** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan boleh berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi perolehan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi perolehan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa—

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [*Akta 694*] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau

3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii). Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (*turn over*) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No. KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) \*termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) \*\*seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan



**SULIT**

**LAPORAN BANK/SYARIKAT KEWANGAN KE ATAS KEDUDUKAN KEWANGAN KONTRAKTOR**

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank/Syarikat Kewangan dan diserahkan kepada Kontraktor dalam sampul surat berlakri untuk disertakan bersama-sama Sebut Harganya sekiranya Kontraktor Harga mempunyai kemudahan kredit dengan Bank/Syarikat Kewangan yang berkenaan)

Kepada: .....

.....

.....

.....

(Pegawai Inden)

Nama Kontraktor : .....

Tajuk Sebut Harga : .....

.....

.....

**A. Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pelaksanaan projek**

Kemudahan kredit yang telah diluluskan dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Kontraktor adalah seperti berikut:-

Bentuk Kemudahan Kredit	Baki daripada yang diluluskan	Tambahan minimum yang akan diluluskan*	Jumlah
i) Overdraf	RM .....	RM .....	RM .....
ii) Overdraf bercagar	RM .....	RM .....	RM .....
iii) ERF/MARA	RM .....	RM .....	RM .....
iv)	RM .....	RM .....	RM .....
v)	RM .....	RM .....	RM .....
Jumlah:	RM .....	RM .....	RM .....

\*(jika projek diawad kepada penyebut harga)

**B. Ulasan-ulasan mengenai kedudukan kewangan dan akaun Kontraktor Harga**

.....  
Tandatangan Untuk dan bagi Pihak Bank/Syarikat Kewangan

Nama Bank:

Nama Pegawai:

Jawatan:

Cop Bank/Syarikat Kewangan:

Tarikh:



**BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL**

Saya..... nombor kad pengenalan ..... yang mewakili syarikat ..... nombor pendaftaran..... (\*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

**a. Butiran Pemunya Benefisial (Individu):**

Nama Individu	No. Kad Pengenalan / No. Pasport	Kewarganegaraan

**b. Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):**

Nama Syarikat	No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing	Lokasi Syarikat (Nama Negara)

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :

Catatan:

**\* Potong mana yang tidak berkenaan**



**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH  
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA  
PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI KOLAM TAKUNGAN BANJIR S18  
DAN S10, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG.**

**JPS/N/SH/DTL/M/23/2025**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran .....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan:

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi; dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana- mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :



## **KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

Versi Bahasa Kebangsaan

### **“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA**

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya [Syarikat/Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat/Kontraktor] dengan Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat/Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat/Kontraktor].
- b) Kerajaan berhak menuntut daripada [Syarikat/Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-Pihak bersetuju bahawa [Syarikat/Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

Versi Bahasa Inggeris

### **“TERMINATION ON CORRUPTION, UNLAWFUL ACTIVITIES OR ILLEGAL ACTIVITIES OR BID RIGGING**

- a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Contractor], its personnel, servants or employees is or are convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities or was found to be liable for an infringement of a prohibition from performing an act of bid rigging under the Competition Act 2010 [Act 712], in relation to this Agreement or any other agreement that the [Company/Contractor] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this Agreement at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Contractor].
- b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses including any incidental costs and expenses incurred by the Government arising from such termination.
- c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Contractor] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this Agreement.

\*\*Klausula penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

